

UCAPAN KETUA/PENGERUSI MASTERA SINGAPURA  
MAJLIS PERASMIAN SEMINAR ANTARABANGSA KESUSASTERAAN ASIA TENGGARA (SAKAT)  
28 September 2019, POD, NLB, Singapura

Yang Berhormat

Encik Masagos Zulkiffee bin Masagos Mohamed  
Menteri Sekitaran dan Sumber Air dan Hal ehwal Masyarakat Islam

Yg Berbahagia,

Awang Suip bin Haji Abdul Wahab [TBC]  
Pemangku Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei  
Selaku Ketua Perwakilan Mastera Brunei

Prof. Dr. Dadang Sunendar, M.Hum  
Kepala Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa  
Selaku Ketua Perwakilan Mastera Indonesia

Datuk Abang Sallehudin bin Abang Shokeran  
Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia  
Selaku Ketua Perwakilan Mastera Malaysia

Puan Rosa Daniel [TBC]  
Pengarah Eksekutif, Majlis Seni Kebangsaan (NAC)

Delegasi dari negara-negara MASTERA  
Para sasterawan negara dan serantau  
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Para tetamu terhormat dan hadirin  
Assalamualaikum wbrt dan salam sejahtera.

Hadirin yang dihormati,

MASTERA atau Majlis Sastera Asia Tenggara adalah sebuah majlis yang merancang dan memantau perkembangan Sastera Melayu-Indonesia di rantau ini. Penubuhan MASTERA telah dipersetujui oleh tiga negara pendiri iaitu Negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia dalam Kongres Bahasa Melayu Sedunia pada 25 Ogos 1995. MASTERA telah diputuskan sebagai sebuah majlis serantau yang mewakili lembaga pemerintah setiap negara anggota. Keanggotaannya terdiri daripada tiga kelompok, iaitu negara pendiri, negara ahli dan negara pemerhati. Penubuhan MASTERA telah dirasmikan dalam Majlis Pelancaran MASTERA dan Sidang pertama MASTERA di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 12 Ogos 1996.

S'pura menjadi negara pemerhati Mastera sejak penubuhannya dan telah bergiat aktif dalam kegiatan yang dianjurkan seperti kuliah sastera bandingan, seminar sastera, sidang , program penulisan dan penerbitan.

Tujuh tahun lalu, pada tahun 2012, Singapura menjadi anggota penuh MASTERA. YB Encik Masagos Zulkifli, Menteri Negara Kanan, Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Luar, yang juga Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura ketika itu, dan saya menandatangani keanggotaan Singapura ini dan, dirasmikan dalam Majlis Sidang Mastera ke-18 di DBP Kuala Lumpur. Ini adalah titik bersejarah bagi Mastera Singapura.

Pada bulan September 2015, Singapura menjadi tuan rumah buat pertama kali untuk Sidang MASTERA ke-21 pada 3-4 September dan juga Seminar Antarabangsa Sastera Asia Tenggara (SAKAT) pada 7-8 Sept 2015.

Sejak menganggotai MASTERA pada tahun 2012, Mastera Singapura telah mengikuti semua acara MASTERA, bukan saja untuk menyokong, tetapi yang lebih utama ialah untuk belajar dari pengalaman negara-negara MASTERA yang lain yang telah mengendalikan pelbagai kegiatan lebih kurang 20 tahun lebih awal. Mastera Singapura juga berazam untuk menyumbang sebaik-baiknya mengikut kemampuan kami.

Para hadirin sekalian.

Sejak awal lagi Mastera Singapura berpegang pada Falsafah – KEBERSAMAAN dalam KEPELBAGAIAN (Unity in Diversity). Mastera Singapura mengambil pendekatan strategik 2015-2020, yang berfokus, tuntas dan tekal. Ini kerana kami mahu memanfaatkan sumber kami yang terbatas. Mastera Singapura ingin memberi sumbangan yang khusus dan bermakna kepada pembinaan sastera di Singapura dan di Asia Tenggara, khususnya kepada rakan anggota negara MASTERA.

Alhamdulillah, tahun ini Singapura menjadi tuan rumah Sidang Mastera ke 25 and SAKAT, buat kedua kali. Bagi melaksanakan tanggungjawab besar ini, Mastera Singapura berusaha membawa pembaharuan atau sumbangan yang menambah nilai khususnya dari segi Hadiah Sastera Mastera dan SAKAT.

### **Hadiah Terjemahan**

Negara-negara anggota Mastera sudah pun menawarkan beberapa Hadiah Sastera Mastera sebagai usaha mengiktiraf dan menggalakkan perkembangan sastera di negara-negara Mastera.

Mastera Malaysia memberi **Hadiah Sastera** untuk karya/buku kreatif dan bukan kreatif (pada tahun 1999, 2001, 2003, 2005, 2007, 2010, 2012 dan 2016). MASTERA Brunei Darussalam memberikan **Anugerah Sastera MASTERA** kepada **tokoh sastera** yang terpilih berdasarkan sumbangan mereka dalam dunia sastera di negara anggota MASTERA (pada 2003,2006, 2008, 2010 dan 2014). Mastera Indonesia memberi **Hadiah Sasterawan Muda** (pada tahun 2005, 2007, 2010, 2013, 2017).

Pada tahun 2019 ini, Mastera Singapura menganjurkan **Hadiah Terjemahan** Mastera buat julung-julung kalinya. Peraduan penterjemahan ini merupakan usaha untuk menggalakkan kegiatan penterjemahan karya-karya sastera Asia Tenggara Melayu ke dalam Bahasa Inggeris.

Matlamat peraduan ini adalah untuk mengembangkan karya-karya berbahasa Melayu/Indonesia ke peringkat antarabangsa. Ia akan sekaligus memberikan peluang dan perangsang kepada para sasterawan untuk memajukan bakat, mengenalpasti dan membangunkan bakat dalam bidang penterjemahan.

Hadiah Sastera Terjemahan Mastera 2019 adalah inisiatif penting dan sumbangan unik Mastera Singapura untuk pembangunan dan pengluasan sastera Asia Tenggara ke dunia antarabangsa. Semoga usaha ini mendapat sokongan positif berterusan dari golongan penulis, penterjemah dan khalayak persuratan.

## SAKAT

Tema Seminar SAKAT 2019 : Kota, Teknologi dan Kemanusiaan.

Ini adalah lanjutan dari tema seminar SAKAT 4 tahun lalu, yang bertemakan “Sastera Rentas Media dalam Pembinaan Sastera Asia Tenggara Abad ke-21”.

Semasa membentangkan kertas ucap utama dalam SAKAT 2015 di Singapura, saya telah membentangkan 5 cabaran utama yang dihadapi oleh kesusasteraan Asia Tenggara:

1. Cabaran teknologi informasi dan komunikasi (ICT)
2. Cabaran minda
3. Cabaran kreativiti rentas media
4. Cabaran identiti
5. Cabaran arus songsang

Dalam ucap utama itu, saya juga mengutarakan dua corak sastera: “Sastera Air Murni yang Mengalir” atau “Buih Hanyut” yang mendapat ilham dari Al-Quran Surah Ar-Ra’d, 13:17.

Sastera ‘Air murni mengalir’ adalah sastera yang mengandungi kebenaran, kemurniaan, kekuatan minda dan jiwa, keutuhan identiti, keindahan yang diterima oleh nilai dan falsafah agama dan budaya murni Asia Tenggara. Sementara ‘Buih hanyut’ adalah sastera yang hanya mengikut arus perdana, arus popular (yang banyak jumlah ‘like’ dan ‘views’ serta menjadi ‘viral’), arus teknologi, arus pemikiran dan cara hidup songsang, yang kelihatan tinggi mengapung di mata tetapi, sebenarnya kosong, hampas dan penuh kebatilan.

Harapan saya dan MASTERA Singapura, untuk langkah seterusnya, MASTERA akan terus mengukuhkan pendekatan/kegiatan yang telah diterokai sejak 23 tahun lalu, malah kita dapat melakukan rekayasa sastera yang konkrit untuk menangani 5 cabaran tersebut demi memastikan sastera Asia Tenggara menjadi Air Murni yang mengalir’ dan tidak menjadi ‘buih hanyut’.

Corak, bentuk dan saluran atau media sastera telah mengalami perubahan yang amat besar dan munculnya berbagai cabaran baru kerana pengaruh teknologi

maklumat, media sosial dan komunikasi (ICT) dalam kehidupan kita dan memberi kesan pada aspek kemanusiaan.

Semoga seminar SAKAT kali ini, yang bertemakan “kota, teknologi dan kemanusiaan” ini, akan menghasilkan lebih banyak peluang untuk perkongsian ilmu, menimba kemahiran dan pengalaman demi peningkatan dan pengluasan sastera Asia Tenggara demi mengisi keperluan, menyahut cabaran hidup, khususnya dalam kompleksiti kota global abad ke-21 dan mengukuhkan mutu kehidupan dan nilai kemanusiaan. Insya-Allah.

Para hadirin sekalian yang saya hormati. Saya akhiri ucapan saya dengan pantun berikut

Sekawan merpati di puncak perpustakaan

Riang berkicau meneroka alam sekitaran

Kota, teknologi, kemanusiaan, terjemahan

Mastera ukir indah citra nilai kehidupan

Sekian. Wabillahi Taufik wal Hidayah wassamualikum wbrt.

P/M Dr Hadijah bte Rahmat  
Ketua Mastera Singapura  
22 Sept 2019